



Mohd Sharkar (tujuh, dari kanan) bersama barisan pemenang POPIC 2022 di Pantai Teluk Cempedak, Kuantan pada Ahad.

# Juara sulung POPIC 2022

Oleh SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

**P**endayung Terengganu, Daing Sulaiman Daing Suhaimi dinobatkan juara keseluruhan kategori kebangsaan lelaki TK1 Pahang Ocean Paddle International Challenge 2022 (POPIC 2022) di Pantai Teluk Cempedak, Kuantan pada Ahad.

Lebih manis, Daing Sulaiman mengakhiri POPIC 2022 – kejohanan kanu antarabangsa yang julung-julung kali diadakan di Pahang dengan muncul juara Peringkat 5 melibatkan laluan perlumbaan sejauh 20 kilometer di pantai peranginan terkenal itu.

“Syukur alhamdulillah atas kemenangan ini. Saya memang tak menjangkakan dapat meraih gelaran juara keseluruhan dalam kategori ini (kebangsaan TK1 lelaki) sebab persaingan memang sengit sejak perlumbaan Peringkat 1 lagi.

“Kalau ikutkan, saya hanya letak sasaran tiga terbaik kerana sedar ada beberapa lagi peserta pilihan terutamanya Adib (Kamaruzrizan) dan Freddy (Anggang). Ini sudah mungkin rezeki saya untuk muncul juara,” katanya.

Selaku juara keseluruhan, Daing Sulaiman yang menjuarai perlumbaan Peringkat 4 di Pantai Cherating pada Sabtu membawa hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM3,500 selain

turut meraih RM800 selaku pemenang peringkat.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Pahang, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin.

Bagi kategori kebangsaan TK2 lelaki, gandingan berpengalaman yang mewakili Pahang, Ahmad Azfaruddin Lukman-Imam Sujadi Satta membuktikan kejayaan mereka apabila muncul juara keseluruhan, sekali gus menggondol hadiah wang tunai RM5,000.

“Alhamdulillah, segala perit jerih selama lima hari berakhir dengan kejayaan penuh istimewa ini. Walaupun ada sedikit masalah pada awal perlumbaan ini tetapi kami masih dapat mengejar peserta lain untuk meraih kemenangan,” jelas Imam Sujadi.

Selain mengungguli Peringkat 5, Azfaruddin-Imam Sujadi turut tampil cemerlang apabila menjuarai Peringkat 1, 2 dan 4 selepas kemenangan mereka pada Peringkat 3 ditarik balik ekoran dikenakan penalti akibat kesalahan tidak mengikut laluan sepatutnya.

Bagi kategori kebangsaan TK2 wanita, pasangan adik beradik dari Terengganu, Norazita-Nursaibah Syahida Ibrahim menyambar gelaran juara keseluruhan selepas mereka menyapu bersih kemenangan dalam kesemua lima peringkat.

Norazita-Nursaibah Syahida nyata berada dalam kelas tersendiri untuk membawa pulang RM5,000 selaku juara keseluruhan, selain turut mengumpul hadiah wang tunai RM7,500 hasil kejayaan mereka memenangi lima peringkat perlumbaan.

Bagi kategori inter-varsiti lelaki dan wanita masing-masing dimenangi pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Tuan Muhamad Hidzam Tuan Dolah-Mohd Azman Ibrahim dan gandingan dari Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Nur Aleya Nafisha Norhanafi-Alya Athirah Shahrariz.

Selaku juara keseluruhan kategori yang melibatkan laluan sejauh enam kilometer dalam kesemua lima peringkat itu, Tuan Muhamad Hidzam-Mohd Azman dan Nur Aleya Nafisha-Alya Athirah, masing-masing merangkul hadiah wang tunai RM4,000.

Acara kemuncak POPIC 2022 bagi kategori antarabangsa menyaksikan bekas juara dunia dari Afrika Selatan, Dawid Mocke dan Danielle McKenzie (New Zealand) mengesahkan kejuaraan masing-masing dalam saingan lelaki serta wanita.

Tampil selaku pendayung pilihan atas reputasi mereka selaku bekas juara dunia, Mocke, pemenang empat peringkat dan McKenzie, pemenang lima peringkat perlumbaan, masing-masing menyambar hadiah wang tunai RM15,000 selepas muncul juara keseluruhan.